

Headline	Majlis Aids Malaysia sokong penuh usaha libat masyarakat Mohd Zaman		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,357
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,071



## Majlis Aids Malaysia sokong penuh usaha libat masyarakat: Mohd Zaman

SANDAKAN: Majlis AIDS Malaysia menyokong penuh sebarang usaha yang dijalankan oleh ahli-ahli gabungannya dalam usaha meraih sokongan dana dan menarik penglibatan masyarakat tempatan ke arah kerja-kerja kebajikan yang dijalankan.

Presidennya, Tan Sri Mohd Zaman Khan, berkata komitmen tinggi Persatuan Kumpulan Sokongan AIDS Sandakan atau SAGA amat terpuji yang turut bergiat aktif bagi menjalankan usaha-usaha sokongan membantu mereka yang hidup dengan HIV.

Beliau berkata, biarpun baru sahaja menjadi ahli gabungan Majlis AIDS Malaysia pada tahun lepas tetapi pencapaian SAGA amat memberangsangkan yang mana mereka telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen tidak berbelah bagi terutamanya dalam mendidik masyarakat tempatan dengan maklumat yang tepat tentang HIV dan AIDS, selain mendekati komuniti terpinggir yang terdedah secara langsung kepada risiko jangkitan HIV dan AIDS.

Katanya, pendekatan yang diambil SAGA untuk mendekati komuniti-komuniti ini merupakan satu respon yang amat bertepatan terhadap situasi epidemik HIV dan AIDS di negeri Sabah yang sebahagian besarnya adalah berpunca daripada transmisi seksual.

"Bersempena dengan sambutan Hari AIDS Sedunia ini, saya ingin menyeru pada semua pihak untuk bersama-sama memperbaharui iltizam kita demi mencapai tiga misi sifar iaitu

'Sifar Jangkitan Baru', 'Sifar Diskriminasi' dan 'Sifar Kematian Berkaitan dengan AIDS'. Saya juga ingin menarik perhatian semua

terhadap aspirasi 'Sifar Transmisi Vertikal HIV Dari Ibu Kepada Anak' yang juga menjadi fokus sasaran Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini.

"Secara kolektifnya, sasaran sifar adalah matlamat unggul yang menyatupadukan kita dalam usaha untuk mengawal penularan epidemik HIV dan AIDS di negara kita," jelasnya semasa berucap pada Majlis Makan Malam Amal Hari AIDS Sedunia SAGA di sebuah hotel terkemuka di sini, pada malam Jumaat.

Hadir sama Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Haji Mohd Hamsan Awang Supain dan Presiden SAGA, Dr. Zaiton Yahya.

Mohd Zaman berharap agar program seumpama ini mampu mewujudkan persekitaran yang kondusif buat individu yang hidup dengan HIV untuk menjalani kehidupan normal yang bebas daripada tekanan stigma dan diskriminasi.

Ujarnya, sokongan yang sama juga perlu diperluaskan kepada kelompok komuniti terpinggir supaya mereka juga turut diberi peluang meningkatkan kualiti kehidupan masing-masing dan berintegrasi ke pangkuan masyarakat.

"Insya-Allah, dengan adanya sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan juga mobilisasi sokongan di peringkat akar umbi yang diterajui oleh SAGA, hasrat murni ini pasti akan terlaksana," tambahnya.

Majlis pada malam itu turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan menarik antaranya nyanyian dari ahli-ahli SAGA, persembahan tarian kebudayaan dan cabutan tiket bertuah. **-OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzalin@newsabahtimes.com.my)**



BERUCAP ... Mohd Zaman semasa menyampaikan ucapan pada majlis itu.

Headline	Majlis Aids Malaysia sokong penuh usaha libat masyarakat Mohd Zaman		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,357
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,071



**PENGHARGAAN ...** Mohd Zaman menerima cenderahati kenangan disampaikan Dr. Zaiton (kiri) atas kesudian menjayakan majlis makan amal itu.



**MOHD Zaman (duduk, tengah)** bersama-sama tetamu jemputan dan warga Sandakan pada majlis itu.



**SOKONGAN MASYARAKAT ...** Sebahagian warga Sandakan yang hadir sebagai tanda sokongan dan komitmen mereka kepada setiap aktiviti SAGA.